

BILAKAH KRISIS AIR SELANGOR AKAN BERAKHIR?

Oleh: Farhanah Alyaa Baraqah binti Mohd Fauzi, 1171298,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 21 Ogos 2020



Krisis air yang melanda beberapa kawasan di Selangor menyebabkan penduduk berasa resah untuk mencari bekalan air.

Seringkali penduduk terpaksa menghadapi masalah yang sama tanpa ada jalan penyelesaian terbaik untuk menangani masalah tersebut.

Memetik laporan Berita Harian, Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, masalah gangguan bekalan air tidak berjadual berskala besar berlaku akibat pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Semenyih.

Masalah itu membabitkan kawasan yang luas sekali gus mengakibatkan penduduk tidak mendapat bekalan air secukupnya bagi keperluan harian mereka.

Masalah seperti ini juga berlaku di negara lain seperti yang dinyatakan oleh badan penyelidikan, World Resources Institute (WRI) di Washington DC (WRI).

Seramai 7.1 juta penduduk di kota Chennai, India mengalami krisis air yang meruncing akibat musim kemarau yang menyebabkan kawasan tadahan air menjadi kering.

Krisis air bukanlah satu masalah remeh yang boleh diketepikan begitu sahaja. Walaupun pengumuman gangguan bekalan air telah dimaklumkan lebih awal dan mereka dinasihatkan membuat persediaan dengan menadah air untuk digunakan dari semasa ke semasa, hal ini perlu diambil berat kerana boleh mendatangkan kemudaratan kepada beberapa golongan yang terbabit.

Penduduk juga sering menghadapi masalah sukar melakukan tugas harian mereka. Contohnya untuk mandi, memasak dan keperluan-keperluan asas lain yang penting.

Bagi warga emas pula, mereka berpusu-pusu beratur dan bertungkus lumus mengambil air yang dihantar lori tangki sedangkan mereka tidak berdaya. Mereka terpaksa mengharap anak-anak muda untuk membantu mereka.

Sememangnya, air merupakan satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan manusia di muka bumi ini.

Tanpa sumber air yang mencukupi adalah mustahil bagi manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Al-Quran juga telah menegaskan tentang kepentingan sumber air seperti maksud ayat 32, surah Ibrahim. Allah SWT berfirman: "Dan Dia menurunkan air hujan dari langit, kemudian Dia mengeluarkan dengan air hujan itu pelbagai jenis buah-buahan yang menjadi rezeki untukmu. Dia juga telah menundukkan bahtera bagimu supaya bahtera itu belayar di lautan dengan kehendak-Nya, dan Dia telah pula menundukkan sungai-sungai bagimu".

Krisis air yang tidak berkesudahan menyebabkan penduduk terseksa kerana mereka perlu menanggung beban yang tidak sepatutnya berlaku.

Mereka sangat mengharapkan agar pendekatan yang berkesan diambil oleh pihak yang bertanggungjawab bagi menyelesaikan masalah berkenaan.